

# Kunci kebebasan petanda baik: PM

KUCHING, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan penyerahan 'kunci kebebasan' Bandaraya Kuching kepada beliau sebagai satu peristiwa bersejarah dan besar ertinya kepada pemimpin Pusat.

Menurutnya, ini kerana satu ketika dulu kedatangan pemimpin di peringkat Persekutuan ke sini tidak begitu dialu-alukan dan beliau sendiri pernah melalui pengalaman ini.

"Malah, kedatangan Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Allahyarhan Tun Haji Abdul Razak Hussein juga tidak dialu-alukan. Pada masa itu, Kuching dikuasai oleh sebuah parti pembangkang yang kini menyertai Barisan Nasional (BN).

"Bagaimanapun, keadaan sudah berubah sekarang. Den-

gan penyerahan kunci ini, saya kini bukan saja berasa dialu-alukan, malah tidak lagi segan-silu untuk datang ke Kuching," katanya di upacara penyerahan kunci itu oleh Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud di sini malam tadi.

Perdana Menteri berkata, walaupun penyerahan kunci kebebasan bandaraya seperti itu adalah tradisi lama yang datang dari luar, ia adalah baik dan perlu terus diamalkan di negara ini.

Sementara itu, berucap di majlis yang sama, Tan Sri Haji Abdul Taib pula berkata, penyerahan itu bukan saja memberi kebebasan kepada Datuk Seri Dr Mahathir untuk datang ke Kuching.

Malah, menurutnya, ia adalah satu penghargaan yang membawa makna bahawa kedatangan Perdana Menteri ke

Sarawak sentiasa dialu-alukan dan diterima dengan hati terbuka.

"Anggaplah kunci ini sebagai pembuka pintu kebebasan untuk masuk ke seluruh Sarawak dan jadikanlah ia sebagai tanda ingatan agar Perdana Menteri akan selalu datang ke negeri ini pada masa depan.

"Kami di Sarawak amat berbangga kerana dapat menyerahkan kunci ini kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana beliau bukan saja jaguh kepada kemajuan negara, malah sebagai wira di arena antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, walaupun menerima banyak gangguan politik, terutama sewaktu kemelesetan ekonomi negara beberapa tahun lalu, Perdana Menteri itu berjaya membawa kemajuan yang belum pernah dinikmati oleh negara sebelum ini.